

21 FEB 2001

Halim-LHDN

LHDN DIINGATKAN JAGA INTERGRITI

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Abdul Halim Ali malam ini meninggalkan pesanan terakhir beliau kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) supaya menjaga intergriti institusi itu demi mengelak tanggapan negatif masyarakat.

Beliau yang kini merupakan Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berkata sebagai sebuah institusi pengurusan kewangan, LHDN tidak dapat lari daripada dipandang serong serta tohmahan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

"LHDN seperti juga agensi-agensi lain yang berkaitan kewangan telah banyak mendapat tohmahan dan tidak dapat lari daripada tohmahan. Oleh itu adalah perlu intergriti LHDN dijaga 100 peratus agar terhindar daripada tanggapan negatif," katanya semasa berucap pada majlis penghargaan anjuran LHDN sempena persaraan beliau sebagai KSN, di sini.

Abdul Halim berkata, secara keseluruhannya beliau berpuashati dengan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan oleh sektor perkhidmatan awam termasuk LHDN dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan.

"Saya berpuashati sebab banyak arahan-arahan meningkatkan mutu perkhidmatan sektor awam telah dilaksanakan dengan baik oleh semua jabatan termasuk LHDN," katanya.

Bagaimanapun, katanya kualiti perkhidmatan awam boleh ditingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat melaksanakan sepenuhnya arahan yang dikeluarkan kerajaan.

Abdul Halim dilantik sebagai KSN pada 17 Sept 1996. Perkhidmatannya disambung secara kontrak pada 1998 dan kali kedua pada tahun lepas. Ia tamat pada 31 Jan lalu.

Tempat beliau digantikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Tan Sri Samsudin Osman mulai 1 Feb lalu.

Abdul Halim yang memulakan tugas barunya pada 1 Feb lalu secara berseloroh berkata beliau menghadapi tugas getir selaku Pengerusi KWSP kerana telah diminta oleh Perdana Menteri baru-baru ini agar menambah aset badan itu daripada RM170 bilion sekarang kepada RM200 bilion.

"Harapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada saya baru-baru ini ialah menambah aset KWSP daripada RM170 bilion kepada RM200 bilion. Tak tahulah macam mana sebab tempoh khidmat saya hanya dua tahun saja tapi saya akan cuba," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Samsudin, Ketua Eksekutif LHDN Datuk Zainol Abidin Abdul Rashid dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Dr Samsudin Hitam.

-- BERNAMA

NM RV RI